

Pelantikan Hakim Di Mahkamah Syariah: Analisis Berdasarkan Hukum Syarak Dan Undang-Undang

Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘adha Ab Hamid, Nurzulfah Md Abdul Salam & Mohd Farok Mat Nor

hafifi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Hakim ataupun Kadi ialah seorang yang dilantik oleh pemerintah untuk memutuskan dan menyelesaikan pertikaian, tuntutan dan persengketaan masyarakat. Hakim merupakan tunggak kepada sistem keadilan dan sebahagian daripada sistem sesebuah negara. Ulama telah menetapkan dan membincangkan dengan panjang lebar tentang syarat-syarat dan kriteria pelantikan seseorang itu ke jawatan hakim. Malaysia mengamalkan sistem dwi undang-undang iaitu undang-undang sivil yang berteraskan undang-undang Inggeris serta undang-undang Islam yang berteraskan al-Quran dan Hadis. Oleh yang demikian, maka wujudnya sistem dwi mahkamah, iaitu mahkamah awam dan mahkamah syariah. Hakim-Hakim di mahkamah awam mempunyai kaedah dan tatacara lantikannya seperti mana yang telah diperuntukkan dalam undang-undang. Begitu juga dengan pelantikan hakim-hakim di mahkamah syariah, ianya termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengupas mengenai syarat-syarat, kriteria dan pelbagai aspek yang berkaitan dengan hakim di mahkamah syariah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen seperti kitab-kitab, makalah ilmiah, buku-buku, jurnal dan statut. Hasil daripada kajian ini akan menjelaskan mengenai item-item penting dalam proses pelantikan hakim di mahkamah syariah. Kajian ini

diharapkan dapat membantu dalam menjelaskan mengenai proses-proses pelantikan hakim di mahkamah syariah.

Kata Kunci: *Hakim, Mahkamah, Kadi, Keadilan dan al-Qadha.*

1.0 PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang diredhai oleh SWT dan agama yang memimpin manusia ke arah kebahagiaan hidup serta menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Mendapat cahaya dan hidayah Islam merupakan sebesar-besar nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambanya yang terpilih. Firman Allah SWT menjelaskan:

Pada hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu (Islam) dan Aku telah mencukupkan nikmatKu kepadamu dan telah aku redhai Islam itu din (agama) kamu...

(Al-Maidah: 3)

Ayat di atas menjelaskan Allah telah menyempurnakan Islam sebagai agama untuk memandu ke arah kemaslahatan dan kepentingan manusia itu sendiri. ayat di atas juga menerangkan kepada kita bahawa agama Islam telah sempurna untuk dijadikan panduan hidup dalam segenap aspek seperti kekeluargaan, kontrak, jual beli, kenegaraan, perundangan dan penyelesaian pertikaian. Ajaran Islam bersih daripada sifat cela, pencemaran amalan jahiliyah dan bersifat murni dan bersih. Islam menghubungkan hambanya dengan Tuhannya dan sangat mementingkan pertalian yang utuh antara keduanya.

Umumnya, undang-undang Islam ialah satu undang-undang yang lengkap dan menyeluruh dan merangkumi semua aspek kehidupan. Undang-undang Islam atau syariah merupakan ciptaan Allah SWT dan ianya tiada batasan masa dan tempat untuk dilaksanakan. Ianya sesuai pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Bahkan semua dilaksanakan untuk mana-mana kaum di atas muka bumi ini. Prinsip perundangan Islam ini tidak berubah tetapi cabang-cabang yang terdapat di dalamnya boleh berubah mengikut kesesuaian semasa.

Undang-undang Islam mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat dalam undang-undang lain yang telah atau sedang berkuatkuasa pada masa sekarang (Mahmud Saedon, 2003). Ianya merupakan undang-undang rabbani yang mempunyai kuasa untuk mengawas dan mengawal tingkah laku manusia, mendidik jiwa dan membentuk peribadi yang mulia.

Undang-undang tidak dapat dipisahkan dengan kehakiman. Kehakiman merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab untuk mengadili pihak-pihak yang bertikai dan individu yang memutuskan pertikaian tersebut dipanggil hakim. Institusi kehakiman atau *al-qadha* ditubuhkan selaras dengan kehendak Islam agar keadilan dapat ditegakkan dan memberikan hak kepada yang berhak. Hak dan kepentingan individu wajib dilindungi dan dipertahankan, tidak boleh dicabul. Oleh itu, mahkamahlah menjadi tempat untuk masyarakat bagi mendapatkan keadilan dan memutuskan pertikaian mereka. Firman Allah SWT:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan ini) supaya kamu mengambil peringatan dan mematuhihinya)...

(Al-

Nahl: 90)

Ayat ini memberi indikasi kepada kita bahawa keadilan haruslah ditegakkan, keadilan dikembangkan, perbuatan keji dan kezaliman haruslah ditinggalkan. Tanpa adanya institusi kehakiman Islam, mana mungkin keadilan dapat ditegakkan dan kezaliman tidak dapat dibanteras. Institusi kehakiman sangat diperlukan untuk menyelesaikan pertikaian dan persengketaan (Sayyid Sabiq, t.t).

Abdul Munir (2001) menerangkan tugas kehakiman pada umumnya adalah untuk menyelesaikan pertikaian pihak-pihak dan perbalahan dalam kalangan masyarakat. Kuasa untuk menjalankan tugas kehakiman ini asalnya datang daripada khalifah-khalifah Islam. Khalifah akan memutuskan sama ada kuasa yang diberikan itu umum atau *itlaq* tanpa batasan, atau *taqyid* iaitu terhad atau ada batasannya, sama ada dari segi tempat, jenis pertikaian atau pihak-pihak.

Apabila khalifah melantik seorang hakim bagi satu-satu negeri untuk mengadili dan menghakimi semua jenis pertikaian sama ada sivil (*mal*) ataupun jenayah dan tanpa batasan waktu, maka pelantikan tersebut bersifat umum.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Menjalankan tugas kehakiman adalah antara tugas umum yang menyentuh mengenai kepentingan awam dan masyarakat, maka semestinya tugas ini hanyalah dipertanggungjawabkan kepada mereka yang mempunyai kelayakan dan mampu melaksanakan tugas tersebut mengikut matlamatnya (Abdul Karim Zaydan, 2010).

Melihat kepada konteks di Malaysia, tugas seorang hakim di mahkamah syariah yang mana kuasanya terbatas kepada orang-orang Islam sahaja yang boleh menyelesaikan pertikaian hal-hal kekeluargaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan sedikit sahaja yang berhubung dengan jenayah syariah yang berada dalam ruang lingkup takzir yang bersumberkan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang bersumberkan hukum syarak. Oleh itu, hakim di mahkamah syariah mempunyai peranan yang sangat berat dan mendamaikan persengketaan manusia secara hak dan memutuskan hukuman yang adil berdasarkan al-Quran dan hadis (Daud Muhammad, 2001).

Pelantikan hakim di mahkamah syariah adalah di bawah tanggungjawab dan kuasa kerajaan negeri. Perkara ini dengan jelas diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan Senarai II (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan yang mana memperuntukkan:

“...keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah syariah yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam...”

Punca kuasa di atas secara jelas menunjukkan kuasa untuk menubuhkan mahkamah syariah adalah terletak di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Sama juga dengan keanggotaan mahkamah syariah yang meliputi pelantikan hakim-hakim, pegawai mahkamah dan sebagainya. Selain itu, peruntukan di

atas juga memberi kuasa kepada mahkamah syariah untuk memutuskan pertikaian dan kes-kes yang melibatkan orang yang menganut agama Islam sahaja.

Amalan di Malaysia menetapkan hak memilih dan melantik Hakim Syarie terletak kepada kuasa Raja atau Yang Dipertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja (Ibnor & Md Yazid, 2005). Baginda merupakan ketua agama Islam di setiap negeri, oleh yang demikian syarat pemilihan dan pelantikan Hakim Syarie itu adalah berbeza dan tidak seragam antara negeri-negeri. Pentadbiran agama Islam bagi setiap negeri-negeri dinyatakan dengan jelas melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Dalam statut ini, terdapat peruntukan yang jelas mengenai pelantikan Hakim-Hakim Syarie di mahkamah syariah syarat serta kelayakan yang mesti ada sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rendah, Tinggi atau Rayuan Syariah (Hairuddin Megat & Nuarrual Hilal, 2003). Misalnya, syarat untuk dibolehkan seseorang itu untuk menjawat jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di negeri Selangor, telah diperuntukkan bahawa, seseorang itu selepas diperkenan oleh DYMM Sultan Selangor, atas nasihat Majlis dan Ketua Hakim Syarie, melantik Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sekiranya memenuhi syarat berikut, dia merupakan seorang warganegara, selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau selama tidak kurang dari sepuluh tahun sebelum pelantikannya telah menjadi Peguam Syarie sesuatu negeri atau pada suatu masa sebelum itu di mana-mana negeri.

Berdasarkan peruntukan di atas, dapat kita fahami bahawa pelantikan seseorang untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di negeri Selangor memerlukan beberapa syarat yang termaktub dalam seksyen 58 Enakmen itu dipatuhi. Syarat di atas secara terselindung memberi tanggapan bahawa kelayakan untuk menjadi seorang hakim memerlukan kemahiran dan kepakaran dalam bidang hukum syarak yang amat luas serta pengalaman dalam bidang undang-undang Islam. Sebab itu di negeri Selangor

mensyaratkan antara lainnya, seseorang itu pernah menjawat jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Malaysia pernah dikejutkan dengan bantahan oleh sekumpulan Peguam Syarie yang beramal di negeri Kelantan yang mana mereka mendakwa, pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Kelantan adalah tidak mengikut peruntukan undang-undang yang sedia. Mereka mendakwa lagi, hakim berkenaan tidak pernah menjawat jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rendah, tetapi dinaikkan ke jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, mana tugas dan kuasa hakim mahkamah tinggi syariah adalah lebih luas dan berat. Pengalaman sebagai hakim di mahkamah rendah syariah sangat diperlukan untuk menghakimi dan memutuskan pertikaian yang lebih besar. Penyelaras Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) Cawangan Kelantan itu, Che Rosmah Mohd Zain, berkata pelantikan Abu Bakar tidak menepati syarat, iaitu sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau kadi di jajahan.

Oleh itu, melihat kepada keadaan ini, adalah signifikan untuk pengkaji meneliti dengan lebih mendalam apakah syarat-syarat yang dikehendaki oleh undang-undang dari segi pelantikan seseorang itu sebagai hakim di mahkamah syariah. Adakah cukup memadai jika seseorang itu mahir dalam hukum syarak tetapi tidak pernah memegang jawatan sebagai hakim di mana-mana peringkat mahkamah? Adakah tempoh perkhidmatan juga wajar diambil kira? Maka, disebabkan permasalahan yang timbul maka adalah penting untuk dilakukan kajian awalan untuk melihat keperluan perundangan bagi pelantikan jawatan hakim-hakim di mahkamah syariah.

Keadilan adalah suatu konsep yang amat sukar dicapai. Sesuatu keputusan bukan sahaja semestinya adil tetapi ia hendaklah juga kelihatan dan diyakini adil (Eusoff Chin, 1996). Oleh itu, hakim yang menjadi tunggak sistem kehakiman di mahkamah syariah haruslah menepati syarat yang telah digariskan oleh hukum syarak dan undang-undang bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan adil mengikut lunas-lunasnya.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dan maklumat akan diperolehi secara dokumentasi dan temu bual. Segala dokumen perundangan utama dan subsidiari yang berkaitan akan dirujuk dan dianalisa bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penulisan-penulisan akademik seperti artikel, kitab-kitab fiqh dalam jurnal dan prosiding akan dijadikan rujukan utama sebagai panduan dalam melengkapkan kajian ini. Selain itu, kaedah temu bual separa struktur dijadikan metod utama pengkaji dalam mendapatkan maklumat untuk menyempurnakan objektif-objektif kajian ini. Selain itu, kaedah pemerhatian atau observasi juga diaplikasikan.

4.0 KUASA MELANTIK HAKIM

Dalam sistem perundangan Islam, orang yang berhak dan bertanggungjawab melantik kadi atau hakim adalah pemerintah bagi sesebuah negara itu sendiri. Bagi konteks Malaysia, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja merupakan ketua agama Islam bagi negeri-negeri baginda sendiri (Mahmud Saedon, 1991). Berdasarkan kenyataan ini, seseorang itu tidak boleh melantik dirinya sendiri menjadi seorang hakim. Begitu juga dengan mana-mana lapisan golongan masyarakat yang mahu melantik mana-mana orang untuk menjawat jawatan hakim. Hal ini ditegaskan kerana jawatan hakim itu asalnya adalah sebahagian dari tugas khalifah atau pemerintah. Namun, terdapat beberapa keadaan yang membenarkan rakyat melantik sendiri hakim dalam mereka seperti pada masa ketiadaan khalifah, maka dalam keadaan tersebut boleh dilantik hakim oleh rakyat.

Untuk lebih emmahami situasi ini, menurut Sahibul al-Tanwir menyatakan lantikan hakim boleh dilakukan sama ada pemerintah itu zalim atau pun adil. Pendapat tersebut telah diulas oleh Ibnu Abidin dalam kitab beliau: (Ibnu Abidin, 1966).

“Ini jelas menunjukkan bahawa kuasa melantik hakim adalah di tangan pemerintah seperti khalifah atau sultan. Malahan jika kata sepakat dicapai oleh penduduk sesebuah negeri untuk melantik seseorang menjadi hakim, maka lantikan itu tidak sah. Ini berlainan keadaanya jika mereka melantik sultan yang baharu setelah sultan

yang lama telah mangkat. Jika tiada sultan baharu dilantik, maka pada masa itu dibolehkan untuk melantik sultan yang baharu”.

Ibnu Farhun pula berpendapat bahawa hak dan kuasa untuk melantik hakim dibolehkan dengan salah satu cara berikut:

- a) Lantikan oleh amirul mukminin atau seorang dari gabenornya;
- b) Lantikan oleh mereka yang bersifat adil, berilmu dan mempunyai pengaruh dalam masyarakat dan orang yang bakal dilantik itu memenuhi syarat-syarat. Cara ini boleh dilakukan jika hubungan masyarakat dengan pemerintah itu terputus.

Daripada keterangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pemerintah atau sultan sahaja yang diberi kuasa untuk membuat pelantikan. Rakyat atau ahli *al-hillu wa al-akdi* hanya boleh melantik kadi dalam keadaan darurat yang tertentu. Namun ulama sepakat bahawa imam yang adil boleh melantik kadi.

Menyentuh mengenai lantikan hakim oleh pemerintah yang zalim, Imam al-Mawardi menyatakan bahawa terdapat perselisihan dalam kalangan ulama dalam penerimaan jawatan hakim yang dilantik oleh pemerintah yang zalim. Sesetengah ulama berpendapat lantikan itu harus. Jika hakim yang dilantik itu dapat melaksanakan kebenaran dan menegakkan keadilan semasa beliau melaksanakan tugasnya. Berbalik kepada sejarah itu ketika Nabi Yusuf AS dilantik oleh raja negeri Mesir. (Al-Mawardi, 1978). Sesetengah ulama yang lain pula melarang dan menegah dari menerima lantikan tersebut kerana berpendapat menolong berlakunya kezaliman. Namun, pandangan ulama mutaakhirin menyebut mereka menerima pendapat bahawa pemerintah yang zalim boleh melantik hakim. Mereka mengutarakanhujah bahawa Muawiyah melantik hakim-hakim sedangkan beliau sendiri menentang Saidina Ali. (Ibrahim Najid Awad, 1975).

5.0 SYARAT PELANTIKAN HAKIM DALAM ISLAM

Berkaitan dengan syarat menjadi halum atau kadi, tiada nas yang jelas dalam al-Quran dan sunah. Oleh hal demikian, syarat khusus bagi pelantikan halum dibahaskan oleh ulama Islam. Ulama dikatakan berbeza pendapat dalam soal menentukan bilangan syarat tersebut. Ada Ulama yang menetapkan sepuluh

syarat dan ada yang menetapkan enam syarat dan ada juga yang menetapkan empat syarat sahaja. Penulis tidak akan membincangkan syarat yang ditetapkan oleh ulama berkenaan, sebaliknya membincangkan syarat yang secara umumnya dipersetujui oleh fuqaha'. Syarat yang lazimnya dipersetujui oleh para fuqaha' ialah baligh, berakal, merdeka, Islam, adil, mujtahid, lelaki, dan sempurna pancaindera (Abdul Karim Zaydan, 2003).

I. Baligh, Berakal dan Merdeka

Dalam Islam, tiada terdapat nas yang jelas tentang umur tertentu yang ditetapkan untuk melayakkan seseorang itu .menjadi hakim. Menurut Profesor Datuk Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, berdasarkan karangan Imam al-Mawardi, baligh ialah syarat minimum bagi pelantikan sebagai hakim. (Mahmud Saedon, 2003). Selain itu, calon hakim juga mestilah berakal. Sebahagian fuqaha' pula berpendapat bahawa *"tidak cukup semata-mata berakal sekadar menjadi orang mukalaf sahaja, bahkan disyaratkan juga mereka mempunyai pemikiran yang betul dan kepintaran yang baik bukan pelupa dan lalai*. Orang yang dilantik menjadi hakim mestilah juga orang yang merdeka. Merdeka yang dimaksudkan ialah merdeka yang mutlak. Oleh sebab itu, orang yang tidak merdeka sepenuhnya atau yang dijanjikan untuk dimerdekakan atau yang dibenarkan menebus dirinya tidak sah dilantik menjadi hakim (Mahmud Saedon, 1990).

II. Islam

Rasional seseorang hakim hendaklah orang Islam adalah "kerana kehakiman itu merupakan kuasa sedangkan orang bukan Islam tidak harus sama sekali menguasai orang Islam Selain itu, Dr. Abdul Karim Zaidan berpendapat bahawa "untuk melaksanakan tuntutan addin mernerlukan berimannya orang yang melaksanakannya itu terlebih dahulu (Abdiul Karim Zaydan, 1984). Mahmud Saedon pula menyatakan bahawa kehakiman itu termasuk dalam tugas *"wilayah"*, iaitu orang kafir tidak boleh menjadi wali kepada orang Islam Mawardi menyatakan bahawa pendapat yang mengatakan orang kafir tidak boleh dilantik menjadi hakim secara mutlak merupakan pendapat kebanyakan ulama'.

III. Adil (Bukan Fasiq)

Seseorang yang akan dilantik sebagai hakim hendaklah atau mestilah orang yang adil. Menurut pandangan fuqaha', maksud adil ialah tidak melakukan dosa besar dan tidak mengekalkan dosa kecil serta menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu yang menjejaskan maruah. Menurut al-Mawardi, orang yang adil ialah orang yang bercakap benar, jelas amanah, bersih daripada perkara yang haram dan dosa, jauh daripada sifat yang meragukan, tidak suka berjenaka, menjaga maruah dalam urusan agama dan dunianya, serta dipercayai (keadilannya) dalam keadaan gembira dan marah. (Kamaluddin Ibnu Humam, t.t).

IV. Mujtahid (Hairuddin Megat Latiff & Nuarrual Hilal Md. Dahlan, 2003)

Fuqaha' seperti Imam Malik, Syafi'i, dan Hambali, berpendapat bahawa mujtahid merupakan satu syarat untuk seseorang itu dilantik sebagai hakim. Seseorang mujtahid itu, menurut al-Mawardi, ialah orang yang pakar dalam bidang hukum syarak dengan mengetahui asas hukum syarak dan cabangnya, iaitu (i) Mengetahui al-Quran dan perkara yang bersangkutan dengannya, seperti *Nasih-Mansukh, Muhkam Mutasyabih, A'am Khas, Mujmal Mufassal* dan *Asbab Nuzul*; (ii) Mengetahui sunah dan perkara yang bersangkutan dengannya, seperti sabda Nabi Muhammad dan perbuatan baginda, cara hadis diriwayatkan, sama ada *mutawatir, ahad*, ataupun sahih, dan cara hadis dikeluarkan; (iii) Mengetahui pendapat ulama salaf dalam perkara yang dijmakkan

dan perkara yang diperselisihkan; (iv) Mengetahui qias, termasuklah mengetahui hukum asas dan furuk serta mengetahui dalilnya kerana hal ini akan membantu hakim mensabitkan sesuatu hukum.

V. Sempurna Pancaindera

Seseorang yang dilantik menjadi hakim hendaklah seorang yang boleh mendengar dan tidak boleh dilantik orang yang pekak kerana beliau tidak mampu untuk mendengar pertikaian dan keterangan. Seorang hakim hendaklah boleh bercakap dan tidak bisu. Ini penting kerana hakim akan menyampaikan keputusan di akhir kes tersebut. Hakim mestilah orang yang boleh melihat. Jika seorang hakim itu buta, dia

tidak mampu untuk melihat gerak geri saksi dan penuntut. (Mahmud Saedon, 1991).

6.0 SYARAT PELANTIKAN HAKIM DI MAHKAMAH SYARIAH

Syarat-syarat perlantikan seorang Hakim Syarie adalah merupakan jaminan terhadap keadilan di dalam sebuah masyarakat terutamanya masyarakat Islam. Lantaran itu, ia menjadi asas dalam pemilihan hakim di dalam setiap masyarakat di dunia. Islam mengambil berat terhadap syarat-syarat ini sesuai dengan tuntutan zaman demi keadilan sejagat.

Ibnor Azli & Md Yazid (2005) menjelaskan syarat-syarat perlantikan Hakim Syarie tidak disebut di dalam mana-mana enakmen di Malaysia sepertimana para fuqaha memperincikannya dalam kitab-kitab mereka. Sebaliknya mereka menambah syarat-syarat lain yang berbentuk *Syakliyyah* (teknikal) dan *Mawduiyyah* (Objektif) iaitu:

- I. Warganegara Malaysia. Disyaratkan kepada seorang Hakim Syarie memiliki kerakyatan Malaysia. Seseorang yang bukan warganegara tidak layak untuk menyandang jawatan ini.
- II. Berusia sekurang-kurangnya lapan belas tahun. Syariah Islamiah tidak mensyaratkan umur tertentu untuk penjawat jawatan Hakim, sebaliknya mensyaratkan al-ahliyyah (kelayakan) yang sempurna. Namun begitu, pensyaratan usia lapan belas tahun dari segi undang-undang kini tidak pula menyalahi Syariah. Ini adalah kerana matlamat pensyaratan itu ialah untuk memastikan keadilan tercapai (secara teorinya) memandangkan sukarnya memperolehi seseorang hakim yang berkelayakan akademik dan memiliki kematangan jiwa kurang dari usia tersebut. Dengan syarat ini dapat dipastikan seorang pemohon itu telah mencapai *sinn al-rushd* (umur matang), kelayakan (ahliyyah) dan kesempurnaan pemikiran dalam satu waktu. Dengan sifat ini pemohon dikira layak dari segi undang-undang untuk memikul satu tanggungjawab yang besar.
- III. Kelayakan Syariah yang diiktiraf. Seorang pemohon juga disyaratkan memperolehi Ijazah Syariah kelas pertama atau kedua dari universiti atau institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Dengan syarat ini

dapat difahami bahawa mereka yang memiliki kelulusan Pengajian Islam dan Arab selain dari Syariah tidak layak memohon jawatan ini sementara pemilik ijazah Syariah dengan takhassus Qada' adalah diberi keutamaan. Memiliki Diploma Pentadbiran Kehakiman Syarie dari Universiti

- IV. Islam Antarabangsa Malaysia atau sijil yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan. Syarat ini bertujuan untuk menjamin kemampuan seorang Hakim Syarie dalam undang-undang semasa dan etika pentadbiran kehakiman negara.
- V. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Relajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Syarat ini bertujuan untuk menjamin kemahiran Hakim Syarie dalam Bahasa Kebangsaan dari segi penulisan dan pertuturan kerana ia merupakan Bahasa undang-undang dan penghakiman di Malaysia.

Terdapat kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf untuk tujuan perlantikan ke jawatan Hakim Syarie selain daripada apa yang disebutkan di atas. Umpamanya di Negeri Selangor, seorang yang pernah berkhidmat dalam bidang perundangan sebagai Peguam Syarie di mana-mana Mahkamah Syariah tidak kurang daripada sepuluh tahun,¹ atau seorang yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam Syariah dan Kehakiman, layak untuk dilantik sebagai Hakim Syarie. Bagi lantikan sebagai Ketua Hakim Syarie di Negeri Selangor, disyaratkan seseorang itu mestilah warganegara Malaysia dan selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula.²

¹ Seksyen 58(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

² Seksyen 56 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Di Wilayah Persekutuan pula, seseorang itu layak menjawat jawatan Ketua Hakim Syarie jika beliau pernah berkhidmat tidak kurang dari sepuluh tahun sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah³. Manakala untuk jawatan Hakim Syarie pula, mereka dikira layak memohon jika ia pernah berkhidmat tidak kurang dari sepuluh tahun sebagai Hakim Rendah Syariah, kadi, pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu negeri atau pada suatu masa pernah memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula, atau seorang yang arif dalam hukum Syarak.

Bagi lantikan sebagai Ketua Hakim Syarie Negeri Sarawak, disyaratkan seseorang itu mestilah warganegara Malaysia, kemudian selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum perlantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi atau Ketua Pendaftar atau Ketua Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana jawatan yang lain pula; atau seorang yang arif mengenai hukum syarak.⁴

Jawatan Kadi telah diubah kepada jawatan Hakim Syarie secara automatik ekoran penyusunan baru sistem mahkamah syariah di Malaysia dan Hakim Syarie tersebut disyaratkan telah mengikuti Kursus Kehakiman di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Hairuddin Megat Latiff & Nuarrual Hilal Md. Dahlan, 2003).

7.0 KESIMPULAN

Ulama fiqh telah menentukan beberapa syarat dan kelayakan untuk mengangkat seseorang itu untuk menjadi hakim, antara syarat tersebut adalah mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap hukum syarak (al-Mawardi). Jumhur pula mensyaratkan hakim hendaklah seorang yang mujtahid dan mahir dalam perundangan dan kehakiman Islam. Situasi ini sama dengan keadaan pelantikan seorang mufti, iaitu tidak harus dilantik dalam

³ Seksyen 41 (2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

⁴ Seksyen 4 (2) Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001.

kalangan orang awam yang muqallid, lebih-lebih lagi seorang hakim, kerana penghakimannya bersifat mengikat pihak-pihak yang bertikai. (Abdul munir, 2001).

Bagaimanapun, terdapat ulama dalam kalangan Hanafi mengatakan ijtihad bukanlah syarat pelantikan jawatan hakim, kerana hakim yang bukan mujtahid boleh jatuh hukum dengan merujuk kepada fatwa-fatwa para ulama dan mufti. Lagi pula, tujuan kehakiman adalah untuk menghentikan pertikaian. Jika hal tersebut boleh dicapai oleh hakim yang *muqallid*, maka diharuskan pelantikan dan bolehlah hakim tersebut merujuk kepada fatwa-fatwa jika perlu.

Keadilan merupakan perjuangan setiap bangsa dan umat. Sistem kehakiman, mahkamah dan hakim tidak dapat dipisahkan dengan keadilan. Dalam proses untuk mencapai keadilan ini, pelbagai falsafah dan undang-undang telah dicipta, malah sentiasa ada penambahbaikan terhadap undang-undang tersebut agar objektifnya berjaya dicapai. Kehakiman merupakan sebuah institusi yang penting dalam sesebuah masyarakat. Masyarakat akan bertikai sesama mereka setiap hari, dan ini memerlukan pihak mahkamah dan hakim sendiri untuk menyelesaikan pertikaian mereka berdasarkan undang-undang (Mahmud Saedon, 1991). Seorang hakim yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam hukum syarak dilihast mampu menjalankan fungsi penghakimannya dengan baik dan telus sekaligus keputusan yang dibuat dalam sidang kehakimannya pula akan memuaskan hati semua pihak, termasuklah pihak yang terkilan. Oleh itu, sangat lah penting kepada pihak pemerintah untuk meneliti syarat-syarat pelantikan seseorang ke jawatan hakim berpandukan kepada ketetapan hukum syarak dan perundangan semasa.

RUJUKAN

- Abu Haniffa Mohamed Abdullah & Mohd Yazid Bin Zul Kepli (2008) *Women Judges In Shariah Court: Why Not?* [2008] 4 Shlr Xxxvii
- Abdul Munir Yaacob *edt* (1996) *Etika Hakim dan Peguam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Abdul Munir Yaacob *edt* (2001) *Sistem Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Ibrahim *edt* (1997) *Al-Ahkam: Penghakiman dan Kepeguaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Autwah, Abdul (1969) *Nizamul Qadha fil Islam*. Maktab al-Ahram: Mesir.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin (1969) *Haisah Ruddul Mokhtar*. Mesir: Mustafa Halabi.
- Al-Mawardi, Abil Hassan (1978) *al-Ahkam al-Sultaniyah*. Mesir: Maktabah al-Taufiqiyah.
- Awad, Ibrahim Najib (1975) *al-Qadha fil Islam*. Kaherah.
- Ibnor Azli & Md Yazid (2005) *Hakim Syarie: Pemilihan, Perlantikan Dan Bidangkuasa*. Kajian Syariah dan Undang-Undang - Siri 2/2005.
- Hairuddin Megat Latiff & Nuarrual Hilal Md. Dahlan (2003) *Pelantikan Hakim Mahkamah Sivil Dan Syariah Di Malaysia*. 24 Kanun [September 2003].
- Abdul Karim Zaidan (2010) *Sistem Kehakiman Islam*, Jilid 1, terjemahan oleh Mohd. Saleh Haji Ahmad, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mahmud Saedon, A. Othman (1990) *Kadi, Pelantikan, Perlucutan dan Bidang Kuasa*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon (1991) *Kadi, Pelantikan, Pelucutan dan Bidangkuasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Zaidan (1984) *Nizamul Qada'Fi al-Syariah al-Islamiah*, Kaherah.
- Kamaluddin, Ibnu. *Humam, Fath al-Qadir*, Jilid 7, Mesir.
- Zaini Nasohah et al (2015) *Justifikasi Pelantikan Hakim Wanita di Mahkamah Syariah Negeri Negeri di Malaysia*. 3rd International Seminar on Syariah & Common Law 2015.

STATUT

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001.